

PENDIDIKAN ISLAM SECARA INFORMAL : KAJIAN TERHADAP  
PENGLIBATAN BELIA DALAM AKTIVITI KEAGAMAAN DI NEGERI  
MELAKA



BIRO PENYELIDIKAN DAN PERUNDINGAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
KAMPUS ALOR GAJAH

DISEDIAKAN OLEH

TUTASTING @ RAWI BIN NORDIN  
DR. HASAN BIN BAHROM  
ABDUL HADI MOHD. SALLEH

31 DISEMBER 2002



**Universiti  
Teknologi  
MARA**

---

Unit Penyelidikan dan  
Perundingan  
UiTM Kampus Alor Gajah  
Km. 26, Jalan Lendu  
78000 Alor Gajah, Melaka

---

Tel: 06-5582095  
Fax: 06-5582001  
uppmelaka@melaka.itm.edu.my

Surat kami: 600-CM(UPP.1/4)  
Tarikh: 6 Disember 2001

Ustaz Hj Rawi Nordin,  
UiTM Kampus Alor Gajah.

**TAJUK PENYELIDIKAN:**

**PENGAJIAN ISLAM SECARA INFORMAL: KAJIAN PENGLIBATAN  
BELIA DALAM AKTIVITI KEAGAMAAN DI MELAKA**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan penyelidikan tuan bersama ahli kumpulan telah diterima, berikut adalah keputusan yang telah dibuat :

- i. Meluluskan cadangan projek penyelidikan yang dikemukakan oleh tuan, Ustaz Abdul Hadi Mohd Saleh dan Dr Hj Hasan Bahrom .
- ii. Kos yang diluluskan ialah sebanyak **RM 5,000 sahaja**.
- iii. Tempoh penyelidikan ini ialah **12 bulan**, iaitu mulai dari 1 Januari 2002 hingga 31 Disember 2002.
- iv. Penggunaan geran yang telah diluluskan hanya akan diproses setelah perjanjian ditandatangani.
- v. Kertas kerja boleh dibentangkan dalam seminar setelah 75% deraf awal laporan akhir projek dihantar ke UPP untuk semakan. Walau bagaimanapun, puan perlu membuat permohonan kepada Unit Penyelidikan dan Perundingan.
- vi. *Laporan Akhir* perlu dihantar sebaik sahaja projek penyelidikan disiapkan. Format menulis laporan akhir boleh diperolehi dari Unit Penyelidikan dan Perundingan.

Bersama ini disertakan Perjanjian untuk ditandatangani oleh pihak tuan. Sila penuhkan perjanjian berkenaan dengan menggunakan pen berdakwat hitam dan

kembalikan kepada Ketua, Unit Penyelidikan dan Perundingan untuk tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“SELAMAT MENJALANKAN PENYELIDIKAN”

Yang benar



PROF. DR. HJ MOHD TAHIR HJ ABDUL HAMID  
Provos

s.k.

- i. Ketua BRC, UiTM Shah Alam
- ii. Timbalan Provos HEA
- iii. Ketua UPP
- iv. Penolong Bendahari

Tarikh : 31 DISEMBER 2002

No. Fail Projek : 600-BRC/SKK

Ketua  
Biro Penyelidikan dan Perundingan [ BRC ]  
UiTM, Kampus Alor Gajah  
Melaka


Tuan,

**PENDIDIKAN ISLAM SECARA INFORMAL: KAJIAN PENGLIBATAN  
BELIA DALAM AKTIVITI KEAGAMAAN DI NEGERI MELAKA**

Merujuk perkara di atas, bersama-sama ini disertakan 4 naskhah laporan akhir penyelidikan bertajuk *PENDIDIKAN ISLAM SECARA INFORMAL: KAJIAN PENGLIBATAN BELIA DALAM AKTIVITI KEAGAMAAN DI NEGERI MELAKA*.

Sekian, terima kasih

Yang benar



TUTASTING @ RAWI BIN NORDIN  
Ketua  
Projek Penyelidikan

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk melihat penglibatan golongan belia dalam kegiatan keagamaan di Negeri Melaka. Seramai 367 orang belia dan 106 orang pemimpin masyarakat yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Masjid, Jawatankuasa Keselamatan dan kemajuan Kampung dan Jawatankuasa Taman-Taman Perumahan telah terlibat dalam kajian ini. Kajian mendapati program yang paling menarik minat golongan belia ialah majlis membaca yasin dan tahlil. Sementara kurang diminati ialah kursus perkahwinan. Manakala dari aspek lokasi kawasan tempat tinggal bandar dan luar bandar, kajian mendapati majoriti golongan belia di bandar lebih ramai mengikuti program keagamaan berbanding mereka yang tinggal di luar bandar. Sementara dari aspek umur belia yang cenderung menghadiri kegiatan keagamaan mereka yang berumur 18 tahun hingga 25 tahun. Walaupun belia menunjukkan minat menghadiri aktiviti-aktiviti keagamaan yang dianjurkan, tetapi masih ramai di kalangan mereka tidak mengikuti kegiatan tersebut kerana kegiatan yang dianjurkan tidak menarik minat golongan belia dan kegiatan tersebut bermusim, kadang kala tidak sesuai dengan masa dan jiwa belia.